


16 - 31 OGOS, 2022

PENANG 2030

PERCUMA

# BULETIN MUTIARA

BERSATU DAN SETIA

www.buletinmutiara.com | buletinmutiara | ChowKonYeow | chowkonyeow | @ChowKonYeow

# Pasukan Bomba Sukarela dan Penyelamat dirai

Oleh : **ZAINULFAQAR YAACOB**
Gambar : **ADLEENA RAHAYU AHMAD RADZI**

**GEORGE TOWN -** Segala pengorbanan dan komitmen 33 Persatuan Bomba dan Penyelamat Sukarela yang selama ini bergerak secara aktif di Pulau Pinang diakui meningkatkan rasa tenteram, selamat dan sejahtera dalam kalangan komuniti lokal.

Sambil menzahirkan mesej tersebut, Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Chow Kon Yeow berkata bahawa pentadbirannya bersetuju menyampaikan sumbangan keseluruhan berjumlah RM330,000 atau RM10,000 masing-masing kepada Persatuan Bomba dan Penyelamat Sukarela layak di negeri ini.

Beliau yang juga Exco Pembangunan Tanah & Ekonomi dan Komunikasi menyatakan demikian dalam Jamuan Petang dan Majlis Penghargaan Persatuan Bomba dan Penyelamat Sukarela Negeri Pulau Pinang di perkarangan Padang Kota Lama dekat sini pada 1 Julai 2022.

"Sesungguhnya, majlis pada hari ini diadakan bagi meraikan kesemua 33 Persatuan Bomba dan Penyelamat Sukarela aktif atas segala pengorbanan dan khidmat bakti yang telah dicurahkan demi memastikan keselamatan serta kesejahteraan rakyat di negeri Pulau Pinang ini," jelasnya yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Padang Kota merangkap Ahli Parlimen Tanjong.

Di samping itu, Kon Yeow turut merakamkan penghargaan kepada Pengarah Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM) Negeri Pulau Pinang, Saadon Moktar kerana selama ini begitu banyak membantu Persatuan Bomba dan Penyelamat Sukarela negeri dalam mengembangkan keanggotaan serta kemahiran 'pasukan tindakan awal' pada peringkat lapangan.

Sebelum itu, Exco Alam Sekitar dan Kebajikan, Phee Boon Poh dalam ucapannya turut merakamkan penghargaan kepada Kon Yeow yang selama ini begitu menyokong gerakan sukarelawan Persatuan Bomba dan Penyelamat Sukarela Negeri Pulau Pinang terutama semasa ekspedisi bantuan pasca banjir ke negeri Pahang dan Selangor pada hujung tahun lepas.

"Bagi saya, majlis ini sekali gus melambangkan Kerajaan Negeri Pulau Pinang begitu prihatin atas jasa semua anggota Persatuan (Bomba dan Penyelamat Sukarela Negeri Pulau Pinang) selama ini," ulasnya yang juga ADUN Sungai Puyu.

Selepas itu, Kon Yeow menyerahkan replika cek sumbangan Kerajaan Negeri berjumlah RM330,000 kepada Boon Poh yang juga Penasihat Persatuan Bomba dan Penyelamat Sukarela Negeri Pulau Pinang.

Yang Dipertua Dewan Undangan Negeri Pulau Pinang, Dato' Law Choo Kiang; Exco Belia dan Sukan, Soon Lip Chee; Timbalan Yang Dipertua Dewan Undangan Negeri Pulau Pinang merangkap ADUN Sungai Bakap, Dato' Dr. Amar Pritpal Abdullah; beberapa Ahli Parlimen; ADUN dan barisan Ahli Majlis bagi kedua-dua pihak berkuasa tempatan (PBT) turut sertai majlis tersebut.

Mereka bersama-sama Kon Yeow dan Boon Poh menyempurnakan acara penyerahan sijil penghargaan serta bendera ❤ PENANG kepada semua wakil Persatuan Bomba dan Penyelamat Sukarela Negeri Pulau Pinang.




**1. KETUA Menteri dan Phee Boon Poh (kanan sekali) menyerahkan sijil penghargaan serta bendera ❤ PENANG kepada wakil-wakil Persatuan Bomba dan Penyelamat Sukarela Negeri Pulau Pinang pada majlis khas di sini baru-baru ini.**

**2. BERAMAH mesra dengan beberapa anggota yang hadir.**

**3. KEPELBAGAIAN jentera bomba yang hadir pada majlis berkaitan.**

# Sasar lebih banyak produk Wanita Jana Rezeki ke ekspo antarabangsa

Oleh : **WATAWA NATAF ZULKIFLI**
Gambar : **KEVIN VIMAL**

**GEORGE TOWN** – Kerajaan Negeri akan terus melaksanakan Program Wanita Jana Rezeki (WJR) demi memperkasakan ekonomi rakyat dalam kelompok pendapatan isi rumah 40 peratus paling rendah (B40) termasuk ibu tunggal.

Tidak cukup setakat itu, Exco Pembangunan Sosial dan Hal Ehwal Bukan Islam, Chong Eng berkata bahawa pihaknya akan terus berusaha mengetengahkan produk usahawan di bawah WJR ke pasaran arus perdana menerusi Persidangan dan Ekspo Halal Antarabangsa Pulau Pinang 2022.

"Kerjaaan Negeri telah menaja pengusaha WJR untuk menyertai *Penang International Halal Expo & Conference* (PIHEC) 2022 baru-baru ini sekali gus memberi peluang untuk pengusaha-pengusaha berkaitan terlibat dalam ekspo bertaraf antarabangsa.



CHONG ENG (berbaju ungu) diiringi Lim Siew Khim (barisan pertama, empat dari kanan) dan Ong Bee Leng (barisan pertama, lima dari kanan) mempamerkan beberapa produk yang berjaya dipasarkan di bawah label WJR dalam Majlis Pelancaran WJR 3.0 di sini baru-baru ini.

"Pengusaha WJR sebelum ini telah capai banyak perubahan dalam perniagaan dari segi peningkatan jualan, jaringan serta keyakinan menjalankan perniagaan dan menyertai banyak ekspo bagi menembusi pasaran luar negeri.

"Justeru, saya ingin lebih ramai wanita yang layak menyertai WJR, gunakan peluang pembukaan ekonomi yang semakin rancak ini untuk meluaskan perniagaan masing-masing dan ambillah peluang mengikuti program ekonomi anjuran Kerajaan Negeri untuk mencari pendapatan untuk keluarga," serunya pada Majlis Pelancaran WJR 3.0 di sini 28 Jun lalu.

Hadir sama, Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Sungai Pinang, Lim Siew Khim dan Ketua Pegawai Eksekutif Perbadanan Pembangunan Wanita Pulau Pinang (PWDC), Ong Bee Leng.

Selain bentuk bantuan yang dinyatakan oleh Chong Eng, difahamkan, mereka yang menyertai program WJR turut ditawarkan geran permulaan projek keusahawanan.

Berucap pada majlis sama, Siew Khim menyatakan bahawa Kerajaan Negeri menyasarkan 120 wanita menyertai program WJR dengan 360 produk makanan baharu yang bakal diketengahkan kelak.

"Sebanyak 15 produk akan dipilih dan hanya peserta yang melepasi sasaran sahaja akan menerima geran permulaan untuk dipasarkan di bawah label WJR, dan penganugerahan akan diadakan pada bulan November depan,'' ulasnya lanjut.

## Kerajaan Negeri perkenal garis panduan pusat jagaan ibu selepas bersalin

**GEORGE TOWN** – Kerajaan Negeri Pulau Pinang buat julung kalinya memperkenalkan garis panduan bagi pengoperasian pusat jagaan ibu selepas bersalin di negeri ini.

Exco Pembangunan Sosial dan Hal Ehwal Bukan Islam, Chong Eng berkata, garis panduan tersebut dirangka bagi memudahkan pengusaha pusat jagaan ibu bersalin membuat permohonan pendaftaran sehingga mendapat kelulusan yang sah.

"Tujuan utama penyediaan garis panduan ini adalah untuk memastikan keselamatan dan kesihatan semua pihak yang terlibat khususnya golongan ibu, anak-anak dan pengusaha dapat dijamin.

"Kerajaan Negeri Pulau Pinang sememangnya amat prihatin mengenai keselamatan dan kesihatan penduduk terutamanya golongan ibu dan anak-anak.

"Oleh itu, kami (Kerajaan Negeri) akan cuba sedaya upaya mewujudkan suatu persekitaran yang sempurna dan adil bagi semua pihak melalui garis panduan ini," katanya semasa berucap pada sesi taklimat garis panduan berkaitan dekat Komtar di sini 1 Julai lalu.

Turut Hadir, Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Sungai Pinang, Lim Siew Khim dan Ketua Pegawai Eksekutif Perbadanan Pembangunan Wanita Pulau Pinang (PWDC), Ong Bee Leng.

Justeru, Chong Eng menyatakan bahawa semua pengusaha disarankan untuk bekerjasama dalam mematuhi garis panduan yang ditetapkan dan segera mendapatkan kelulusan bagi pusat jagaan masing-masing.

"Jangan berlengah atau melambatkan proses pendaftaran kerana ia merupakan suatu peluang keemasan yang disediakan oleh Kerajaan Negeri Pulau Pinang kepada semua pengusaha.

"Kerajaan Negeri akan beri tempoh khusus bagi semua pengusaha mendaftarkan pusat jagaan ibu selepas bersalin sebelum tindakan diambil.

"Pada masa sama, saya ingin menyeru kepada Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP) dan Majlis Bandaraya Seberang Perai (MBSP) supaya memastikan garis panduan ini difahami dengan jelas dan seterusnya membantu pengusaha-pengusaha mendapatkan permit pengoperasian mereka," serunya lagi.

Mengulas lanjut, Chong Eng yang juga ADUN Padang Lalang memberitahu bahawa garis panduan tersebut disediakan dalam dua bahasa iaitu Bahasa Melayu dan Bahasa Cina.

"Langkah ini adalah bagi memudahkan pengusaha-pengusaha untuk memahami dan mematuhi garis panduan berkaitan dengan lebih jelas.

"Mungkin garis panduan ini mempunyai beberapa kekurangan yang tidak dapat dilihat pada masa ini tetapi jika terdapat sebarang kekurangan, maka kami akan berusaha untuk memperhalus lagi garis panduan ini sekiranya ia di bawah had kuasa Kerajaan Negeri," katanya.

Chong Eng berkata, bagi mereka yang berminat untuk mendapatkan garis panduan tersebut, boleh hubungi pegawai-pegawai di pejabat beliau.

Menyentuh mengenai kelewatan penerbitan garis panduan tersebut, Chong Eng berkata ia berpunca daripada punca kuasa yang tidak jelas.

"Sebelum ini tidak ada mana-mana pihak yang merasakan operasi pusat jagaan ibu bersalin berada di bawah tanggungjawab mereka kerana perusahaan ini tidak berada di bawah kategori pusat jagaan.

"Jadi, untuk menyediakan satu punca kuasa, kita memerlukan kesungguhan politik termasuk daripada Kerajaan Pusat kerana lesen adalah di bawah jabatan teknikal.

"Walaupun Kerajaan Negeri yang keluarkan garis panduan ini tetapi MBPP dan MBSP adalah pihak yang bertanggungjawab untuk mengeluarkan lesen pengoperasian kepada pengusaha," jelasnya lanjut.




Oleh: **AZMI HUSSIN**

# *Smith+Nephew* buka fasiliti pembuatan AS$100 juta

Oleh : **AINUL WARDAH SOHILLI**
Gambar : **MUHAMAD AMIR IRSYAD OMAR**

**BUKIT TAMBUN -** Syarikat teknologi perubatan global, *Smith+Nephew* membuka fasiliti pembuatan berteknologi tinggi baharu di Taman Perindustrian Batu Kawan (BKIP) dengan pelaburan bernilai lebih AS$100 juta (RM439 juta).

Pengarah Urusan *Smith+Nephew* Malaysia, Mark Arthun berkata bahawa pelaburan terbaharu itu adalah fasiliti pembuatan pertama syarikat itu di Pulau Pinang dan juga Asia Tenggara.

"Fasiliti berkeluasan 250,000 kaki persegi dengan kos kira-kira AS$50 juta ini dibangunkan di Persiaran Cassia Selatan 8 sebagai menyokong francais ortopedik syarikat yang telah lama berkembang di rantau Asia Pasifik.

"Projek ini adalah luar biasa dan amat menarik bagi kami *(Smith+Nephew)* kerana kami percaya lokasi Pulau Pinang yang strategik sebagai hab pembuatan sekali gus membolehkan kami mengembangkan lagi operasi kami.

"Fasiliti baharu ini juga dijangka mewujudkan sehingga 800 peluang pekerjaan merangkumi kejuruteraan, rantaian bekalan, sumber manusia, kewangan dan logistik dalam tempoh lima tahun akan datang.

"(Dan) daripada 800 peluang pekerjaan itu, hanya sebilangan kecil yang akan menjadi ekspatriat kerana kami mahu fasiliti di sini diuruskan oleh rakyat tempatan.

"Kami berharap dapat bekerjasama dengan semua pihak untuk mencapai kejayaan yang lebih besar selepas ini," katanya yang turut menzahirkan penghargaan kepada Kerajaan Persekutuan, Kerajaan Negeri dan agensi berkaitan dalam membantu merealisasikan pembukaan fasiliti baharu *Smith+Nephew* di sini.




KETUA Menteri bersama-sama barisan kepimpinan Kerajaan Negeri dan wakil-wakil *Smith+Nephew* selepas menyempurnakan gimik perasmian pembukaan fasiliti syarikat berkaitan di sini baru-baru ini.

Dalam pada itu, Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Chow Kon Yeow yang hadir menyempurnakan pembukaan fasiliti tersebut amat teruja dan mengalu-alukan kehadiran *Smith+Nephew* ke Batu Kawan.

"Kami (Kerajaan Negeri) amat teruja dan berbangga serta pada masa sama mengalu-alukan *Smith+Nephew*, sebuah syarikat teknologi perubatan terkemuka di dunia ke Pulau Pinang.

"*Smith+Nephew* adalah antara 30 firma peranti perubatan terbesar di dunia dengan pendapatan global sebanyak AS$5.2 bilion pada tahun 2021.

"Ia adalah syarikat teknologi perubatan global terkemuka yang pakar dalam ortopedik, perubatan sukan, subsegmen pengurusan luka lanjut dan ENT (telinga, hidung, tekak)," ujarnya yang yakin bahawa segmen peranti perubatan merupakan segmen kritikal dan sedang berkembang pesat dalam industri penjagaan kesihatan.

Dianggarkan menjelang tahun 2023, pasaran teknologi perubatan Asia Pasifik akan melebihi pasaran Kesatuan Eropah (EU) dan menjadi penyumbang kedua terbesar di dunia.

Menurut Kon Yeow, terdapat sebilangan besar peneraju industri global berharap untuk membangunkan kemudahan mereka di rantau Asia bagi memenuhi permintaan yang semakin meningkat.

"(Dan) Pulau Pinang menjadi salah satu lokasi pilihan yang mana dianggap sebagai Lembah Silikon Timur *(Silicon Valley of the East)*.

"Ekosistem perindustrian Pulau Pinang yang teguh bukan sahaja membolehkan negeri ini dapat mempercepatkan kejayaan dalam industri elektrik dan elektronik (E&E) malah mengukuhkan lagi kedudukannya sebagai hab peranti perubatan di rantau ini.

"(Hal ini terbukti), apabila Pulau Pinang menjadi tapak bagi sejumlah syarikat teknologi perubatan (yang terbanyak) di Malaysia dan juga Asia Tenggara termasuk pelaburan baharu daripada *Smith+Nephew* di sini.

"Pulau Pinang akan meneruskan legasi 50 tahun kecemerlangannya dalam perindustrian dan komited mengekalkan kemampanannya untuk 50 tahun akan datang dan seterusnya," jelasnya sambil menzahirkan penghargaan kepada *Smith+Nephew* atas pembukaan fasiliti terbaharu di sini.

Usai majlis, Kon Yeow ditemani Exco Perdagangan, Industri dan Pembangunan Usahawan, Dato' Abdul Halim Hussain; Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Bukit Tambun, Goh Choon Aik; Ketua Pegawai Eksekutif InvestPenang, Dato' Loo Lee Lian dan Penasihat Khas (Pelaburan) kepada Ketua Menteri, Dato' Seri Lee Kah Choon dibawa melawat ke fasiliti berkaitan.

Terdahulu, Ketua Pegawai Eksekutif Lembaga Pembangunan Pelaburan Malaysia (MIDA), Datuk Arham Abdul Rahman dan Ketua Pegawai Eksekutif Smith+Nephew, Dr. Deepak Nath antara kenamaan yang turut serta dalam majlis perasmian berkaitan di sini.

# LEM umum pelaburan RM70 juta, bangunkan kilang baharu

**BUKIT TENGAH -** Syarikat pengukuran elektrik untuk industri dan aplikasi automotif, LEM memilih Pulau Pinang untuk membangunkan kilang pengeluaran terbaharu bagi memenuhi permintaan industri berkaitan yang terus berkembang.

Ketua Pegawai Eksekutif LEM, Frank Rehfeld berkata bahawa syarikat yang berpangkalan di Geneva, Switzerland itu mengumumkan cadangan pelaburan modal untuk kilang baharu sebanyak RM70 juta.

"Ia akan menjadi kilang pembuatan pertama LEM di Malaysia.

"Berkeluasan 12,000 meter persegi, kilang tersebut dijangka siap pada tahun 2024 dan projek ini juga diunjurkan bakal menjana 500 peluang pekerjaan dalam tempoh lima hingga lapan tahun akan datang.

"Di Pulau Pinang, kami (LEM) akan memberikan tumpuan kepada sensor arus bersepadu (ICS) dan menghasil serta menguji produk utama baharu.

"Pastinya kami mempunyai cita-cita untuk pertumbuhan yang memberangsangkan untuk pembangunan ICS dan itu menjelaskan skop rancangan kami.

"Kami menjangkakan produk pertama pada suku pertama tahun 2024 dan yakin akan memberi perkhidmatan kepada pelanggan di seluruh Asia, Eropah dan Amerika Syarikat dalam segmen mobiliti, pendigitalan serta tenaga boleh diperbaharui," katanya pada majlis pecah tanah di *Penang Science Park (North)*, Simpang Ampat dekat sini pada 23 Jun 2022.

Menurut Rehfeld, LEM memutuskan untuk memilih Pulau Pinang kerana faktor tenaga kerja yang berbakat dan terbaik.

"Rakyat di rantau ini mempunyai reputasi yang baik, bekerja keras serta pantas bertindak balas di samping memiliki kepakaran khusus dalam industri elektrik dan elektronik (E&E).

"Tidak ragu-ragu lagi bahawa bakat di Pulau Pinang akan membantu mewujudkan tahap prestasi baharu yang membanggakan untuk LEM," ulasnya.

Dalam pada itu, Pengerusi Lembaga Pengarah LEM, Andreas Hurlimann memaklumkan bahawa kilang baharu di Pulau Pinang adalah yang ketiga buat LEM dalam tempoh sedekad selepas Bulgaria dan Perancis.

"Pemilihan Pulau Pinang adalah mengikut proses penilaian yang menyeluruh merentasi banyak aspek sebelum kami mengumumkan cadangan pembukaan ini pada Januari 2020.

"(Dan) berdasarkan penilaian kami, kami di LEM percaya Pulau Pinang akan menyediakan kapasiti yang diperlukan untuk pertumbuhan organik dan menguntungkan.

"Pulau Pinang akan melengkapkan jejak global kami sekali gus meningkatkan daya tahan dalam masa yang tidak menentu ini," jelasnya.

Sementara itu, Ketua Menteri, Y.A.B Tuan Chow Kon Yeow yang turut hadir pada majlis berkaitan amat berbesar hati dan mengalu-alukan LEM ke Pulau Pinang.

"Ekosistem perindustrian yang dibangunkan di Pulau Pinang adalah teguh dan berdaya tahan dengan rantaian bekalan yang pesat berkembang antara pemacu utama menjadikan negeri ini sebagai lokasi pilihan berdaya maju oleh pemain syarikat E&E global.

"Saya percaya LEM akan meraih banyak faedah daripada pengoperasiannya di Pulau Pinang dengan melengkapkan kehadirannya pada peta teknologi global.

"Sejak perjalanan perindustrian bermula pada tahun 1972, Pulau Pinang telah mencapai kemajuan yang besar dan untuk meraikan ulang tahun ke-50 pencapaian dalam perindustrian, negeri ini bertekad akan terus mengumpulkan momentum daripada pelabur baharu dan sedia ada untuk terus berkembang pesat," ujarnya ketika ditemui sejurus tamat majlis berkaitan dekat sini.

Kon Yeow yang juga Exco Pembangunan Tanah & Ekonomi turut menzahirkan penghargaan dan ucapan terima kasih kepada Lembaga Pembangunan Pelaburan Malaysia (MIDA), *InvestPenang* dan Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang (PDC) atas kerjasama strategik menarik pelabur ke negeri ini.

Exco Perdagangan, Industri dan Pembangunan Usahawan, Dato' Abdul Halim Hussain; Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Bukit Tambun, Goh Choon Aik; Ketua Pegawai Eksekutif InvestPenang, Dato' Loo Lee Lian dan Penasihat Khas (Pelaburan) kepada Ketua Menteri, Dato' Seri Lee Kah Choon bersama-sama Duta Switzerland ke Malaysia, Andrea Reichlin antara yang hadir sama pada majlis tersebut.

# Perluaskan RTO, realisasi milikan rumah pertama untuk rakyat

**GEORGE TOWN –** Kerajaan Negeri bercadang memperluaskan pemilikan rumah kepada warga Pulau Pinang secara sewa beli atau *'rent-to-own'* (RTO) yang kini hanya melibatkan Rumah Mampu Milik (RMM) Jenis A dan Jenis B.

Exco Perumahan, Kerajaan Tempatan dan Perancangan Bandar & Desa, Jagdeep Singh Deo berkata bahawa cadangan perluasan yang akan direalisasikan dalam waktu terdekat itu adalah untuk membantu warga Pulau Pinang memiliki rumah pertama.

"Kaedah secara RTO ini dilihat kaedah terbaik kepada mereka yang tidak dapat mengakses pinjaman bank (termasuk mereka yang belum berkeupayaan membeli rumah).

"Sebelum ini, kaedah secara RTO hanya untuk RMM Jenis A (rumah kos rendah pada harga RM42,000) dan RMM Jenis B (rumah kos sederhana rendah, RM72,500).

"Tidak lama lagi, kita (Kerajaan Negeri) akan memperluaskan kepada RMM Jenis C (bermula RM150,000 sehingga RM300,000) yang mana dua projek yang telah dikenal pasti untuk menawarkan 44 unit secara RTO.

"(Dan) keutamaan bagi kategori terbaharu ini adalah kepada penjawat awam (dan butiran lanjut akan diumumkan kelak)," ujarnya pada sidang media yang diadakan menerusi *Facebook Live* pada 28 Jun 2022.

Turut sama, Pengurus Besar Lembaga Perumahan Negeri Pulau Pinang (LPNPP), 'Ainul Fadhilah Samsudi; Ketua Pegawai Bisnes LPNPP, Fakhurrazi Ibnu Omar dan Ketua Pegawai Operasi LPNPP, Mohd. Fauzy Mohd. Yusoff.

Dalam pada itu, Jagdeep yang juga Ahli Lembaga Pengarah LPNPP memaklumkan bahawa Kerajaan Negeri akan memastikan pembekalan rumah mampu milik yang mencukupi untuk rakyat Pulau Pinang.

Sebelum ini, saya telah memaklumkan bahawa Kerajaan Negeri melalui LPNPP menyasarkan sejumlah 220,000 unit rumah tersedia untuk rakyat Pulau Pinang.

"Sasaran ini adalah selaras dengan Visi Penang2030 dan saya yakin kita mampu mencapai sasaran tersebut dengan kerjasama semua pihak termasuklah daripada LPNPP dan para pemegang taruh melalui kerjasama awam – swasta (PPP)," tegasnya.



**JAGDEEP Singh Deo.**

Difahamkan, sehingga 27 Jun 2022, sebanyak 138,041 unit atau 62.8 peratus daripada sasaran telah berjaya dicapai yang mana kini dalam pelbagai peringkat pembangunan. Jumlah tersebut juga termasuk sasaran 10 peratus daripada 220,000 unit ditawarkan melalui kaedah pembiayaan RTO.

Dalam perkembangan berkaitan, Jagdeep turut memberitahu bahawa Kerajaan Negeri kini sedang menunggu maklum balas daripada Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan berhubung pembangunan Projek Perumahan Rakyat (PPR) di negeri ini.

Sebagai pembayar cukai, Pulau Pinang juga layak untuk menikmati perumahan awam.

"Kerajaan Negeri sebelum ini telah mengenal pasti lima tapak (di lima daerah dengan saiz keseluruhan mencecah 72.3 ekar) untuk dibangunkan (PPR).

"(Dan) kita amat berharap agar Kerajaan Persekutuan dapat membantu menyediakan perumahan untuk rakyat di negeri ini," serunya.

Sebagai rekod, Pulau Pinang hanya memiliki 999 unit PPR berbanding keseluruhan 114,652 unit di seluruh negara.



# Lima atlet terima SKIMAS, Syabas!

Gambar : **MUHAMAD AMIR IRSYAD OMAR**


KETUA Menteri dan barisan kepimpinan Kerajaan Negeri merakam gambar kenangan bersama-sama para atlet dan waris masing-masing seusai majlis penyampaian sumbangan SKIMAS di sini baru-baru ini.

**GEORGE TOWN -** Lima atlet negeri yang menyertai kontinjen negara ke temasya Sukan Asia Tenggara (Sukan SEA) Ke-31 di Hanoi, Vietnam pada pertengahan bulan Mei lepas dan berjaya membawa pulang pingat emas masing-masing menerima Insentif Kemenangan Sukan Kerajaan Negeri Pulau Pinang (SKIMAS).

Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Chow Kon Yeow memberitahu bahawa pencapaian barisan atlet negeri tersebut bukan sahaja menjadi kebanggaan seluruh rakyat Malaysia, bahkan sekali gus mengharumkan nama Pulau Pinang.

"Para atlet Pulau Pinang telah berjaya menyumbang sebanyak enam pingat emas daripada 39 pingat emas yang dirangkul kontinjen negara.

"Dan, Kerajaan Negeri Pulau Pinang meraikan mereka dalam Majlis Penyerahan Insentif Kemenangan Sukan Kerajaan Negeri Pulau Pinang (SKIMAS) membabitkan jumlah sumbangan berjumlah RM27,000," jelasnya dalam sidang media di sini pada 8 Julai 2022.

Turut serta, Exco Belia dan Sukan, Soon Lip Chee dan Pengarah Majlis Sukan Negeri Pulau Pinang (MSNPP), Harry Chai Heng Hua.

Kon Yeow yang juga Exco Pembangunan Tanah & Ekonomi dan Komunikasi memberitahu bahawa beliau berharap pemberian insentif tersebut dapat menyemarakkan lagi semangat semua untuk memburu kemenangan dalam kejohanan-kejohanan lain.

Ooi Tze Liang yang memenangi dua pingat emas dalam acara akuatik terjun 3 meter papan anjal seirama lelaki dan acara akuatik terjun 1 meter papan anjal lelaki menerima insentif SKIMAS keseluruhan sebanyak RM9,000.

Rachel Yeoh Li Wen yang turut membawa pulang dua pingat emas bagi acara gimnastik artistik individu palang bertingkat dan acara gimnastik artistik individu batang titian turut membawa pulang insentif berjumlah RM9,000. Sebagai tambahan, Li Wen turut menerima pengiktirafan sebagai 'Atlet Terbaik Wanita' Kontinjen Malaysia pada temasya berkaitan.

Memperoleh pingat emas bagi acara snooker 6-red individu lelaki, Lim Kok Leong menerima insentif bernilai RM6,000.

Manakala S. Geerijaieswaran Pillai dan Muhammad Arif Afifuddin Ab. Malik yang memenangi pingat emas acara Karate Kumiti lelaki berpasukan masing-masing membawa pulang insentif SKIMAS sebanyak RM1,500.

SYABAS!





# Peraturan baharu atlet silat olahraga

**'EDISI** Khas 2022' Sukan Malaysia (SUKMA) yang dijadual berlangsung pada 16 hingga 24 September ini sudah tentu dinanti-nantikan terutama selepas temasya kejohanan tahunan negara itu tertangguh selama kira-kira dua tahun dek pandemik COVID-19.

Bagi acara silat olahraga, harapan untuk membawa pulang sekurang-kurangnya satu pingat emas sebagaimana rekod pencapaian dalam SUKMA 2018 diletakkan atas pundak lima atlet negeri Pulau Pinang.

Bak 'ayam tambatan', atlet berkenaan ialah Muhammad Arif Danial Amril Nurman, 17; Mohamad Ridzuan Abdullah, 21; Mohamad Hafiz Halim, 21; Nurfatin Husna Mohammad Fairuz, 16 dan Nurul Nadya Abdul Hafif, 16.

Bertempat di Gelanggang Silat yang terletak berhampiran Kompleks Belia dan Sukan Negeri Pulau Pinang dekat Batu Uban, wartawan Buletin Mutiara, **ZAINULFAQAR YAACOB** dan jurugambar, **ADLEENA RAHAYU AHMAD RADZI** berkesempatan turun menyaksikan persiapan mereka dalam memburu kejuaraan pada kejohanan yang kian kunjung tiba.

Selama hampir 30 minit selepas memimpin sesi memanaskan badan sekalian atlet, Ketua Jurulatih Silat Negeri, **SHUHAIRI CHIN**, 37, meluangkan masa untuk ditemu ramah.

Wawancara tersebut turut disertai oleh Penolong Jurulatih Silat Negeri, **ABDUL HAFIDZ MARZUKI**, 32.

Menurut Shuhairi yang lebih mesra dipanggil 'Coach JJ', sesi latihan sepenuh masa bagi memburu pingat dalam SUKMA Edisi 2022 pada peringkat negeri boleh dikatakan bermula agak lewat, iaitu pada bulan April lepas.

Bagaimanapun, dengan bantuan penolong jurulatih serta beberapa pegawai lain, beliau berharap sesi latihan yang diadakan sehingga bulan September ini akan membuahkan hasil kepada kontinjen negeri, sebagaimana disasarkan.

"Sekarang, kita dalam fasa akhir persiapan yang mana para atlet menjalani latihan sepenuh masa.

"Tumpuan latihan juga mengambil kira teknik-teknik baharu berdasarkan (peraturan pertandingan) yang dikeluarkan oleh PERSILAT (Persekutuan Pencak Silat Antarabangsa) dan PESAKA (Persekutuan Silat Kebangsaan Malaysia)," jelasnya.



**AKSI jatuhan dengan menggunakan teknik 'lipat gunting' dan menarik lawan ke lantai secara serentak antara peraturan baharu yang dibenarkan dalam acara silat olahraga SUKMA Edisi 2022 pada September nanti.**

## Cabaran di medan latihan

Hampir sembilan tahun menjadi jurulatih pesilat negeri, Shuhairi mengakui bahawa persiapan menempuhi saingan SUKMA Edisi 2022 begitu menguji pengalaman peribadi beliau di medan latihan.

Mengulas lanjut, beliau menyatakan bahawa dalam pelbagai kekangan termasuk daripada segi masa sebelum kejohanan, beliau perlu memastikan para atlet cepat menguasai teknik-teknik jatuhan atau bantingan, berdasarkan peraturan baharu yang dibenarkan oleh PERSILAT serta PESAKA untuk acara silat olahraga.

Bagi beliau, peraturan baharu itu menjadikan acara silat olahraga 'lebih ganas', terbuka serta kian menarik ala mempertahankan diri campuran (MMA) yang kian popular pada peringkat dunia kini.

Difahamkan, peraturan lama sukan silat olahraga membenarkan saingan disuraikan selepas enam serangan berturut-turut, lalu juri atau wasit akan membawa kedua-dua atlet ke tengah gelanggang untuk meneruskan saingan.

Tetapi, berdasarkan peraturan baharu silat olahraga, kedua-dua atlet dibenarkan melakukan serangan bertali arus selama satu minit tanpa henti.

Selain itu, peraturan baharu silat olahraga seakan-akan mirip MMA kerana turut membenarkan tumbukan *'Superman'*, tarik dan pukul, pukul di bahagian belakang *vest*, pukulan tangan belakang, lompat dan menyiku ke *vest* serta membuat kuncian.

"Dalam peraturan lama, menarik jatuh pesaing adalah suatu kesalahan, tetapi kini (berdasarkan format pertandingan baharu) semua teknik tarikan untuk menjatuhkan pesaing adalah dibenarkan.

"Beberapa peraturan baru bersifat 'lebih ganas', ekstrem, teras lasak *(hardcore)* yang sudah tentu memberi saingan daripada segi fizikal serta kelincahan kepada para atlet kita.

"Katakan ada 10 peraturan baharu (yang dibenarkan), kalau atlet kita boleh menguasai dua atau tiga teknik bagi memburu mata kemenangan dalam sesi latihan sepenuh masa ini (sebelum SUKMA Edisi 2022 pun), bagi saya ia sudah memadai," ulasnya dalam nada sederhana.



SHUHAIRI Chin (barisan depan, tiga dari kanan), Abdul Hafidz Marzuki (barisan depan, tiga dari kiri) bersama-sama empat daripada kesemua lima atlet sukan silat olahraga negeri sempena SUKMA Edisi 2022.

# uji kemahiran negeri

LIPUTAN KHAS

### Tumpuan

Selain kekuatan mental, Shuhairi berpendapat bahawa para atlet yang sedang menjalani latihan sepenuh masa juga mesti mempunyai fizikal lasak, menguasai teknik tempur ala silat olahraga serta stamina tinggi untuk menewaskan pesaing.

"Untuk menjatuhkan pesaing, apabila peraturan baru membenarkan semua teknik tarikan, maka sesi latihan sepenuh masa yang saya laksanakan sejak April lepas adalah lebih menumpukan kepada aspek ketahanan dan kelasakan fizikal serta stamina.

"Bagi menjatuhkan pesaing dengan pelbagai teknik tarikan juga memerlukan stamina dan ketahanan, untuk mengelak jatuhan daripada percubaan pesaing juga memerlukan stamina serta ketahanan," ujarnya lanjut.

Shuhairi memberitahu bahawa kelima-lima atlet SUKMA Edisi 2022 menjalani latihan sepenuh masa selama lima setengah jam setiap hari kecuali Ahad, iaitu sesi pertama selama satu setengah jam pada awal pagi, disusuli sesi kedua (10 pagi hingga 12 tengah hari) dan sesi ketiga (5 petang hingga 7 malam).

### Pengalaman sebagai bekalan

Pada kesempatan itu juga, Buletin Mutiara turut cuba merisik pengalaman serta rekod kejayaan peribadi Shuhairi sehingga diberi kepercayaan untuk memimpin pasukan atlet silat olahraga negeri.

Pada mulanya, Shuhairi enggan berkongsi kisah kejayaannya dalam acara ini, namun setelah dipujuk, beliau mengalah juga dalam perasaan serba sederhana.

Dalam nada seloroh, beliau memberitahu bahawa dirinya pernah mewakili negeri ke SUKMA 2008 dan pernah mengalami kecederaan pada ligamen *'anterior cruciate'* (ACL).

Bukan setakat itu sahaja, Shuhairi memberitahu bahawa beliau pernah tiga kali mewakili negara dalam Sukan SEA selain Kejohanan Silat Sedunia 2007.

"Saya mendapat pingat gangsa dalam Kejohanan Silat Sedunia 2007 dan Sukan SEA 2009 di Laos… Sukan SEA Manila 2005 saya tak dapat apa-apa (pingat) dan Sukan SEA Korat 2007 saya dapat dua 'jarum' (sambil menunjukkan parut pada bibir kiri yang terkoyak akibat ditumbuk pesaing semasa saingan).

"(Selepas mengalami kecederaan ACL pula,) saya masih dalam pasukan kebangsaan, dalam tempoh 10 hingga 11 bulan menjalani sesi pemulihan, saya diminta menyertai dua kejohanan untuk (pengesahan) sama ada saya layak atau tidak (mewakili negara) ke Sukan SEA.

"Alhamdulillah… saya mendapat pingat emas dalam Kejohanan Silat Terbuka Malaysia (di Kuala Terengganu, Terengganu) serta pingat gangsa dalam 'Indo-Games' di Vietnam, sebelum ke Sukan SEA Laos 2009 dan dapat pingat gangsa juga," jelasnya sebelum dilantik menjadi jurulatih negeri.

Bagi Shuhairi, segala pengalaman sebagai atlet silat olahraga sebelum ini adalah bekalan paling berharga untuk melatih sekalian atlet sekarang termasuk 20 tunas muda lain di bawah Program Pembangunan Sukan Silat Olahraga Negeri.

### Program pembangunan sukan

Tanpa menoleh ke belakang, Shuhairi memberitahu bahawa kini beliau turut memberi komitmen untuk menjayakan Program Pembangunan Sukan Silat Olahraga Negeri, sebagaimana ditaklifkan oleh Majlis Sukan Negeri Pulau Pinang (MSNPP).

"Penyertaan adalah percuma sama ada di pusat latihan negeri di sini ataupun di pusat-pusat latihan daerah.

"Paling penting, peserta yang hendak sertai program ini perlu memberikan komitmen daripada segi masa untuk turun latihan, dan lazimnya komitmen yang tinggi dalam bentuk sokongan turut datang daripada waris-waris mereka.

### Harapan

Mengakhiri sesi wawancara, Shuhairi memberitahu sekali lagi bahawa pihak beliau menyasarkan sekurang-kurangnya satu pingat emas, dengan mengambil kira rekod pencapaian pasukan silat negeri dalam SUKMA 2018.

"Pada SUKMA 2018, Mohamad Hafiz mendapat pingat emas (sementara) Mohamad Ridzuan, pingat perak (dalam kategori masing-masing).

"Dengan izin Allah, pada SUKMA (Edisi 2022) kali ini, kita akan cuba kekalkan pencapaian itu… sekurang-kurangnya dapat satu pingat emas dan kalau dapat lebih pingat, alhamdulillah itu adalah bonus," katanya sambil menganggap saingan daripada beberapa pasukan negeri terpilih pada kali ini dijangka lebih sengit ekoran dua tahun temasya peringkat kebangsaan tersebut tidak dianjurkan.



BEBERAPA teknik latihan yang didedahkan.




# Anak muda nekad kekalkan imej Melayu

**IMEJ** Melayu kembali popular dek penangan filem pecah panggung Mat Kilau: Kebangkitan Pahlawan di pawagam sehingga berjaya mencuri tumpuan peminat dari luar negara seperti di Manila, Filipina.

Menceburi bidang warisan sejak di bangku sekolah lagi, perjalanan seni **NAIM NOOR**, 37, yang merupakan anak kelahiran Sungai Petani, Kedah tidak hanya terhenti di situ sahaja.

Beliau sebaliknya mengambil keputusan beralih minat ke dalam bidang seni mempertahankan diri semasa berumur 17 tahun sehingga kini bersama-sama Dunia Seni Silat Melayu Pulau Pinang (DSSMPP).

Bermula pada tahun 2014, beliau mula bergiat dalam dunia busana pakaian tradisional Melayu khususnya untuk lelaki.

Kini, beliau aktif dalam pembuatan destar atau pakaian penutup kepala bagi golongan lelaki dengan sekadar untuk suka-suka sahaja, sebelum mempelajarinya secara dengan lebih mendalam selepas tempoh dua tahun.

"Disebabkan keinginan yang tinggi untuk menimba ilmu, saya mula belajar dengan kawan-kawan dahulu kemudian menuntut pula dengan pembuat tanjak termasyur, Mohd. Yatim Mustaffa atau lebih mesra dipanggil AMJ dengan memfokuskan penghasilan tanjak klasik, getam dan biasa.

"Jumlah kursus untuk kemahiran seni jurusan membuat tanjak ialah sebanyak lima peringkat dan saya telah memperoleh empat ilmu bermanfaat daripadanya," katanya kepada wartawan Buletin Mutiara, **NUR ASHIKIN ISMAIL** bersama-sama jurugambar, **ADLEENA RAHAYU AHMAD RADZI** pada sesi wawancara khas di kediaman beliau dekat Balik Pulau baru-baru ini.

Tambah Naim, proses mempelajari dan memahami sesuatu teknik pembuatan tanjak adalah amat mudah, namun cabaran adalah pada peringkat proses penghasilan tanjak tersebut.

"Setakat ini, saya mampu menghasilkan sebanyak 10 tanjak hanya dalam masa dua jam, akan tetapi bergantung juga kepada olahan berdasarkan ilham dan imaginasi pembuatnya serta permintaan di samping memfokuskan kepada elemen flora dan fauna.



"Tanjak pula mempunyai pelbagai nama dan seni rupa seperti Lang Menyusur Angin, Solok Timbul, Dendam Tak Sudah, Sirih Acheh dan Balong Raja," jelasnya sambil menunjukkan beberapa koleksi tanjak yang dihasilkan beliau.

Mengulas mengenai makna pemakaian tanjak dalam kalangan orang Melayu, Naim menjelaskan bahawa perhiasan kepala itu pada suatu masa dahulu dipakai bertujuan untuk membezakan seseorang individu itu sama ada dari golongan kerabat atau rakyat biasa.

"Lipatan tanjak selalunya dijahit dengan lipatan asas yang mana kemudiannya dibezakan dengan penampilan khususnya penggunaan jenis kain dan tatah yang dipasang pada tanjak mengikut pangkat atau kelayakan seseorang.

"Misalnya, jika lipatan tanjak secara bertingkat-tingkat dan menutupi telinga, itu bermakna individu itu seorang bendahara di luar tugas selain golongan pembesar yang terdiri daripada kerabat diraja," hurainya sambil menunjukkan demonstrasi penghasilan beberapa jenis tanjak.

Selain itu, beliau turut berkongsi proses pembikinan tanjak dan menceritakan satu persatu sambil menunjukkan beberapa langkah yang telah siap untuk dijadikan contoh.

"Ukuran untuk seunit tanjak adalah 1 meter (m), dan boleh menggunakan apa jua jenis kain, kemudian perlu dijahit dan melalui proses mengeras menggunakan kanji sebelum lipatan dikemaskan atau diolah mengikut jenis tanjak yang diingini.

"Bagi tanjak kain songket, harganya kira-kira RM120 hingga RM250 manakala tanjak kain songket pula berharga kira-kira RM80 hingga RM130," katanya.



Berkongsi mengenai perancangan masa depan, Naim berkata bahawa beliau mempunyai impian untuk membuka kafe minumannya sendiri selari dengan pembaharuan yang ingin diterapkan dalam perniagaannya.

"Saya menyimpan hasrat untuk membuka sebuah kafe yang berkonsepkan tradisional, bersesuaian dengan pembuatan tanjak yang saya ketengahkan ini.

"Jika tiada aral, pada masa akan datang, saya ingin menyambung semula kelas memanah di sini ekoran permintaan tinggi daripada pelajar-pelajar yang ingin mengasah kemahiran memanah mereka" tambahnya.

Selain tanjak, Naim turut menghasilkan cenderahati kecil yang bersesuaian bagi setiap lapisan umur untuk dibeli sebagai tanda kenang-kenangan.

"Saya turut menghasilkan pewangi pelbagai haruman dan tanjak berbentuk kecil yang disertakan rantai kekunci untuk disambungkan bersama kunci dan sebagainya.

"Pewangi adalah yang paling laris kerana mampu bertahan selama satu bulan ke atas dan pelanggan juga sering membeli dalam kuantiti yang banyak," ujarnya yang turut menyediakan khidmat penghantaran bagi produk jualannya.

Mengakhiri sesi wawancara, Naim turut memaklumkan bahawa para pelanggan boleh menghubunginya melalui platform media sosial *Facebook* dengan carian Naim Noor atau Arjuna Archery untuk sebarang tempahan atau pertanyaan.

**1. NAIM Noor menunjukkan tanjak yang dihasilkan.**

**2. PRODUK cenderamata yang turut memperoleh permintaan umum.**

**3. SALAH satu lipatan tanjak.**

# Durian Seberang Perai miliki kualiti premium

**SEKIRANYA** sebelum ini keunikan dan populariti durian hanya tertumpu di Balik Pulau tetapi di kawasan Seberang Perai sebenarnya juga tidak kurang hebatnya.

Bagi mereka yang belum ketahui, durian baka duri hitam atau lebih dikenali sebagai *'ochee'* didaftarkan di Nibong Tebal, daerah Seberang Perai Selatan (SPS).

Malah, satu lagi produk durian dari kawasan Seberang Perai kini dalam proses pendaftaran ialah baka *'Tokun Top'* yang berasal dari Cherok Tokun dan Bukit Seraya dekat Machang Bubok.

Penulis Buletin Mutiara, **WATAWA NATAF ZULKIFLI** bersama-sama jurufoto, **MUHAMAD AMIR IRSYAD OMAR** dan **ADLEENA RAHAYU AHMAD RADZI** sempat menemu ramah dua pemilik dusun di Seberang Perai yang mempunyai produk durian premium setanding jenama-jenama lain.

Pemilik dusun keluarga di Cherok Tokun, **CHANG CHI CHERN** ketika ditemui memberitahu bahawa durian baka *'Tokun Top'* baru-baru ini sudah dinilai oleh Jabatan Pertanian dan bakal digazetkan sebagai 'kelahiran' Cherok Tokun, Seberang Perai Tengah (SPT).

Menurut Chi Chern, *'Tokun Top'* sebenarnya sudah ditanam oleh kelaurga beliau lebih 50 tahun lalu melalui gabungan baka kampung tempatan.

"Keseluruhan kebun yang diwarisi daripada keluarga adalah seluas 12 ekar iaitu satu di Balik Pulau satu lagi di sini (Cherok Tokun).

"*Durian 'Tokun Top'* mempunyai rasa yang manis, berkrim dan sedikit pahit, sebenarnya dalam kalangan penduduk tempatan ia sudah lama terkenal, namun baru sahaja melalui proses pendaftaran.

"Baru-baru ini, Jabatan Pertanian datang untuk proses pendaftaran bersama-sama Pengarah Jabatan Pertanian Negeri Pulau Pinang (Mohd. Muhaimin Ibrahim), dan melalui maklum balas diterima boleh dikatakan ia mempunya kualiti sederhana dengan lingkungan harga RM28 hingga RM30 sekilogram," ujarnya ketika ditemui di dusunya baru-baru ini.

Turut serta pada sesi wawancara berkaitan ialah Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Machang Bubok, Lee Khai Loon; Ahli Majlis bagi Majlis Bandaraya Seberang Perai (MBSP), Ong Jing Cheng serta ahli-ahli keluarga Chi Chern iaitu Chang Yoong Heng dan Kathy Chong.



CHANG Chi Chern.

Hadir sama, pemilik dusun durian di Bukit Seraya, Mohd. Azmi Othman.

Lebih menarik, kata Che Chern, tanaman yang ada di kebun milik beliau tidak menggunakan sebarang racun perosak mahupun baja kimia.

"Modal setahun bagi kawalan perosak cuma RM3,000 dengan menggunakan mikroorganisma sebagai agen mengawal serangga bagi mendapatkan hasil yang stabil," jelasnya.

Dalam pada itu, Jing Cheng memberitahu Buletin Mutiara bahawa MBSP sudah menyiapkan satu garis panduan bagi menggalakkan lagi industri ekopelancongan di Seberang Perai.

"Garis Panduan Khusus Pembangunan Berkonsepkan Chalet Inovatif di Seberang Perai telah diluluskan pada Oktober tahun lepas.

"Pembinaan chalet dalam kebun dilihat mampu membantu pengusaha ekopelancongan, tetapi setakat ini masih belum ada mana-mana pihak yang membuat permohonan.

"Konsep ini adalah selari dengan saranan Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya (MOTAC) yang hanya membenarkan binaan sementara dan tidak mengganggu alam semula jadi," ulasnya yang akan menjalankan taklimat lanjut kepada pekebun serta pengusaha berhubung garis panduan berkenaan.

Khai Loon ketika diminta mengulas berharap agar pihak berwajib dapat membantu para pekebun di Cherok Tokun mempromosikan durian berkaitan supaya ia lebih dikenali sebagai lokasi menikmati durian setanding Balik Pulau di daerah Barat Daya.

### Duri Hitam Seberang Perai Selatan

Menurut perkongsian **LEOW CHEOK KIANG**, selaku pemilik dusun di Valdor dekat Jawi, penghasilan durian baka duri hitam miliknya sebenarnya adalah secara tidak sengaja pada tempoh kira-kira 40 tahun dahulu.

"Saya dapat benih daripada seorang kawan dan kemudian melakukan kacukan dengan baka-baka durian lain.

"Duri hitam pada mulanya kelihatan berbentuk agak bulat dan pada sangkaan saya ketika itu adalah ia bukan baka durian yang baik mengikut kebiasaannya.

